



**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (KEWANGAN)
DEPUTY SECRETARY GENERAL (FINANCE)**

Kementerian Kesihatan Malaysia
Ministry of Health Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8883 2542
Faks: 03-8890 5799

Rujukan : KKM.400-9/1/3 Jld.22 (6)
Tarikh : 5 September 2022

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk / Dato' Indera / Dato' / Datin Paduka / Datin / Tuan / Puan,

PENGECUALIAN CAJ LAWATAN BAGI PELAKSANAAN RUJUKAN PESAKIT *DIABETES MELLITUS* DARI KLINIK KESIHATAN KE KLINIK PERGIGIAN BAGI MENJALANI SARINGAN *PERIODONTIUM*

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk / Dato' Indera / Dato' / Datin Paduka / Datin / Tuan / Puan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyokong inisiatif Pelaksanaan Rujukan Pesakit *Diabetes Mellitus* dari Klinik Kesihatan ke Klinik Pergigian bagi Menjalani Saringan *Periodontium* sebagai usaha penjagaan kesihatan primer secara holistik.
3. Pada masa ini, pesakit yang dirujuk dari klinik kesihatan ke klinik pergigian bagi kes *cross referral* dikenakan caj lawatan di klinik pergigian. Walau bagaimanapun, berdasarkan pertimbangan saringan *Periodontium* adalah sebahagian daripada siasatan yang diarahkan oleh pegawai perubatan di klinik kesihatan dan bagi menggalakkan pesakit *Diabetes Mellitus* untuk hadir ke saringan *Periodontium* yang dirujuk oleh klinik kesihatan ke klinik pergigian, **caj lawatan berjumlah RM1.00 ke atas pesakit *Diabetes Mellitus* yang dirujuk ke klinik pergigian bagi tujuan saringan *Periodontium* adalah dikecualikan berkuatkuasa serta merta.**

4. Pihak yang YBhg. Datuk / Dato' Indera / Dato' / Datin Paduka / Datin / tuan / puan adalah dimohon untuk mengemukakan makluman mengenai pengecualian ini kepada fasiliti di bawah seliaan masing-masing. Kerjasama pihak yang YBhg. Datuk / Dato' Indera / Dato' / Datin Paduka / Datin / tuan / puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' ZAMZURI BIN ABDUL AZIZ)
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Salinan kepada:

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Pengarah Kanan
Program Kesihatan Pergigian

SENARAI EDARAN

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

Pengarah
Hospital Kuala Lumpur

Pengarah
Institut Perubatan Respiratori

Pengarah
Pusat Darah Negara

Pengarah
Institut Kanser Negara

Pengurus
Institut Kesihatan Negara